

Analisis keputusan UPSR yang diumumkan semalam

Calon dapat semua A menurun

0tusan 20/11/12 MS MS 6

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 19 Nov. - Peratusan lulusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang mendapat semua A pada tahun ini menurun kepada 8.94 peratus iaitu sebanyak 45,054 orang berbanding 46,012 tahun lepas.

Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan, Dr. Naimah Ishak (**gambar**) berkata, penurunan yang dicatatkan untuk tahun ini adalah sebanyak 0.54 peratus daripada seramai 503,928 calon yang menduduki peperiksaan itu.



Katanya, pencapaian secara keseluruhan calon juga menurun sebanyak 0.01 mata Gred Purata Nasional (GPN), iaitu daripada 2.30 pada tahun lepas kepada 2.31 tahun ini.

"Kajian mesti dilakukan oleh pihak jabatan pendidikan negeri untuk melihat penurunan ini," katanya dalam sidang akhbar Pengumuman Ke-



SERAMAI 97 murid Sekolah Kebangsaan Setiawangsa yang berjaya mendapat keputusan 5A dalam UPSR 2012 melaungkan '5A' selepas menerima keputusan masing-masing di sekolah berkenaan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

putusan UPSR 2012 di sini hari ini.

Menurut Naimah, peratusan calon yang mendapat pencapaian Baik pula dengan minimum Gred C bagi semua mata pelajaran yang diduduki, telah meningkat sebanyak 1.49 peratus da-

ripada 55.45 peratus pada tahun lepas kepada 56.94 peratus tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya turut mendapati peratusan calon yang memperoleh pencapaian semua mata pelajaran di bawah tahap pen-

capaian minimum meningkat 0.54 peratus iaitu daripada 2.88 peratus pada tahun lepas kepada 3.42 peratus pada tahun ini.

Sementara itu, beliau berkata, pencapaian calon Cemerlang semua

A di bandar dan luar bandar pada tahun ini mengalami penurunan masing-masing sebanyak 0.45 peratus dan 0.41 peratus.

Katanya, jumlah tersebut melibatkan seramai 27,681 calon bandar mendapat semua A manakala calon luar bandar seramai 17,329 orang.

"Bagaimanapun, peratusan calon yang mendapat pencapaian Baik di bandar dan luar bandar, masing-masing telah meningkat sebanyak 1.81 peratus dan 1.25 peratus.

"Ini bermakna, peningkatan pencapaian Baik bagi calon di bandar adalah lebih tinggi berbanding calon luar bandar iaitu sebanyak 0.56 peratus," katanya.

Selain itu, beliau berkata, peratusan calon berkeperluan khas yang mendapat semua A meningkat daripada 17 orang pada tahun lepas kepada 25 orang tahun ini.

"Kesemua 25 calon itu terdiri daripada tiga calon buta, tujuh calon rabun dan 15 calon lain-lain kecacatan.

"Peratusan calon berkeperluan khas yang mendapat pencapaian Baik juga meningkat sebanyak 0.44 peratus daripada 218 orang tahun lepas kepada 295 tahun ini," katanya.